



沙巴州拿笃埠育才国民型(华文)小学

SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (C) YUK CHOI LAHAD DATU

PETI SURAT POS 60098 91110 LAHAD DATU, SABAH.



TEL : 089-883212

FAX : 089-883213

EMEL: [xcc3134@moe.edu.my](mailto:xcc3134@moe.edu.my)

Rujukan : XCC3134/100-06/( )

Tarikh : 21 APRIL 2021

Para Guru / Murid / Ibubapa / Penjaga yang dihormati,

### PELAKSANAAN PROGRAM JOM MEMBACA UNTUK 10 MINIT PERINGKAT NEGERI SABAH 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

02. Merujuk kepada surat Jabatan Pendidikan Sabah Ruj. JPNSBH.SSTP.100-17/2( ) bertarikh 15 April 2021 telah diputuskan bahawa Program Jom Baca Bersama selama 10 minit Peringkat Negeri Sabah akan dilaksanakan serentak pada ketetapan berikut:

Tarikh : 22 April 2021 (Khamis)  
Masa : 11.00 – 11.10 pagi (10 minit)

03. Tujuan program tersebut adalah untuk memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat ke arah pembudayaan masyarakat yang sukakan pengetahuan dan cintakan ilmu selari dengan Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030.

04. Sehubungan dengan mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diadakan, pihak sekolah putuskan agar pelaksanaan Program Jom Baca Bersama dapat dijalankan di kediaman masing-masing bersama dengan anak-anak dan ahli keluarga kesayangan pada hari esok pada masa yang ditetapkan.

05. Diminta para ibubapa mengambil gambar anak-anak atau ahli keluarga semasa melaksanakan aktiviti membaca bersama tersebut dan hantar ke "*WhatsApp groupchat*" kelas masing-masing sebagai dokumentasi kelas dan sekolah.

06. Pihak pentadbiran sekolah telah menyediakan sesawang google form untuk mengumpul data bagi tujuan pelaporan program yang akan diisi oleh Guru Perpustakaan Media sekolah. Para guru, murid-murid dan ibubapa/penjaga diminta meluangkan sedikit masa untuk lengkapkan borang melalui pautan yang disediakan. Borang tersebut mesti diisi dengan mengikuti kategori, iaitu kategori murid, kategori guru dan kategori ibubapa/penjaga/ahli keluarga. Selepas lengkapkan sila klik butang **\*Submit\*** untuk hantar borang sebelum jam 11.59 malam pada 22 April 2021 (Khamis).

07. Adalah diharapkan agar para guru, murid-murid dan ibubapa/penjaga dapat memberi kerjasama dalam menjalankan program anjuran bersama antara Perpustakaan Negeri Sabah dan Jabatan Pendidikan Sabah.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**NURHIDAYAH CHONG ABDULLAH**

Guru Besar

SJK (C) Yuk Choi, Lahad Datu.